

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY
BIN JUSOH [SETIU]**

RUJUKAN : 8073

SOALAN:

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa terdapat tindakan segelintir anggota polis yang menyalahgunakan kuasa dengan mengadakan sekatan jalan raya mahupun rondaan tanpa mendapatkan persetujuan terlebih dahulu daripada pihak atasan. Apakah langkah dalam memastikan imej polis tidak dipandang serong oleh masyarakat ekoran daripada tindakan mereka ini.

JAWAPAN:

PDRM sebagai agensi penguatkuasa yang utama dalam menjaga keselamatan negara amat memandang serius terhadap isu salah laku warga polis. Prinsip “*zero toleration*” diambil terutamanya terhadap mana-mana pegawai dan anggota polis yang didapati melakukan kesalahan jenayah. Ini adalah bagi memastikan integriti pasukan polis sentiasa dipandang tinggi oleh masyarakat dan sentiasa digeruni oleh penjenayah.

Pihak PDRM boleh membuat sekatan jalanraya mengikut Akta Polis 1967 di bawah Seksyen 24 (*untuk memeriksa lesen dan permit kenderaan*) dan Seksyen 26 (*memelihara dan mengekalkan undang-undang dan ketenteraman atau mengesan atau mencegah jenayah*). Selain peruntukan tersebut, prosedur untuk mendirikan sekatan jalanraya digariskan di bawah Perintah Tetap Ketua Polis Negara dan di bawah Arahan Ketua Trafik Pasukan. Setiap sekatan jalanraya hendaklah terlebih dahulu mendapat atau atas arahan yang dikeluarkan oleh pegawai kanan polis di daerah berkenaan.

Berkaitan terdapat segelintir anggota polis menyalahguna kuasa dengan mengadakan sekatan tanpa kebenaran, pihak PDRM tidak menafikan perkara sedemikian sememangnya wujud. Bagi mengatasi kaedaan ini terus wujud, antara langkah yang diambil seperti berikut:-

- i) Pihak Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) akan membuat pemeriksaan terhadap petugas di barisan hadapan (*front liner*) seperti anggota “*Mobile Patrol Vehicle*”(MPV), Unit

Rondaan Bermotosikal (URB), Anggota Trafik dan Anggota Ronda Cegah Jenayah (RCJ). Pihak JIPS Bukit Aman telah membuat sebanyak 181 pemeriksaan. Angka ini tidak termasuk yang dibuat oleh JIPS Kontinjen dan Daerah.

- ii) Setiap sekatan jalanraya yang dibuat hendaklah dimaklumkan kepada bilik gerakan daerah (DCC) dengan menyatakan lokasi diadakan dan tujuan sekatan tersebut diadakan dan tempoh masa yang akan diadakan.**
- iii) Panggil Nama (*Roll Call*) akan diadakan sebelum dan selepas sekatan diadakan. Selain daripada memastikan anggota berada dalam kaedaan yang siapsiaga, dalam panggil nama berkenaan, jumlah wang dibenarkan dibawa adalah tidak melebihi RM50. Jika anggota yang terlibat dalam penugasan membawa jumlah yang lebih, mereka perlu mengistiharkan dan dicatatkan dalam buku saku, begitu juga selepas penugasan yang mana akan menentukan supaya wang yang dimiliki tidak melebihi RM50.**
- iv) Pihak PDRM melalui Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) merangka program bagi membentuk sahsiah diri anggota untuk menjadikan mereka seorang yang beramanah, jujur dan menolak perkara yang mungkar. Kursus yang diadakan meliputi kursus di peringkat latihan asas dan juga kursus dalam perkhidmatan.**

Pihak PDRM tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tatatertib atau mendakwa di mahkamah terhadap pegawai polis

yang menyalahgunakan kuasa atau yang melanggar peraturan yang ditetapkan oleh pasukan atau jabatan bagi menentukan semua pegawai sentiasa mempamerkan tahap disiplin yang tinggi sepanjang masa dan menjalankan tugas mengikut lunas undang-undang.